



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 3/2025

MENTERI KEWANGAN melalui perenggan 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran cukai perkhidmatan **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

PERKHIDMATAN KERJA PEMBINAAN

Kumpulan L, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Pengecualian daripada dikenakan tindakan kompaun, pendakwaan dan penalti sehingga 31 Disember 2025 bagi kesalahan berikut: (a) lewat daftar (b) lewat hantar penyata (c) lewat bayar (d) tersilap ikrar (terkurang ikrar & terkurang bayar) (e) apa-apa kesilapan yang berkaitan dengan invois, nota kredit atau nota debit	(a) Kesalahan terlibat dikesan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) atau syarikat membuat pengakuan atau pengikraran sukarela ke atas kesalahan terlibat. (b) Pengecualian tidak terpakai bagi kesalahan frod atau kesalahan yang disengajakan. (c) Permohonan remisi penalti perlu dibuat kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengikut prosedur yang ditetapkan.
2.	Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan.	
3.	Pihak berkuasa tempatan (PBT) diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 September 2025.	



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
	Perkhidmatan yang diperoleh atau diberikan mulai 1 Oktober 2025 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.	
4.	Kontrak yang tidak boleh dikaji semula (<i>non-reviewable contracts</i>) diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026. Perkhidmatan yang diberikan mulai 1 Julai 2026 tertakluk kepada cukai perkhidmatan.	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan; (b) Kontrak tersebut tidak mengandungi klausa semakan semula harga atau apa-apa mekanisme pelarasan nilai; (c) Kontrak dibuat secara bertulis, ditandatangani dan disetemkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum atau pada 9 Jun 2025; (d) Kontrak dengan jelas menyatakan: (i) jenis perkhidmatan yang disediakan; (ii) nilai kontrak yang tetap (tidak berubah); (iii) tempoh kontrak; dan (e) Kontrak masih berkuat kuasa selepas 1 Julai 2025. (f) Sekiranya kontrak ini mempunyai Perubahan Kerja (<i>Variation Order/ VO</i>), pengecualian cukai perkhidmatan layak diberikan sehingga 30 Jun 2026 jika: (i) perubahan kerja berkaitan pelaksanaan teknikal dan tidak menjejaskan nilai keseluruhan kontrak; dan (ii) perubahan kerja telah dimasukkan ke dalam kontrak melalui dokumen



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		bertulis yang ditandatangani dan disetemkan oleh LHDN sebelum atau pada 9 Jun 2025. (g) Sekiranya kontrak ini mempunyai Lanjutan Tempoh Masa (<i>Extension Of Time/ EOT</i>), pengecualian cukai perkhidmatan layak diberikan sehingga 30 Jun 2026 jika: (i) EOT berdasarkan kontrak asal yang memenuhi syarat (a) hingga (d) (ii) nilai kontrak asal tidak berubah; (iii) kontrak asal tamat sebelum atau pada 9 Jun 2025; dan (iv) dokumen EOT ditandatangani dan disetemkan oleh LHDN sebelum tamat tempoh kontrak asal.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**